

06/09/2001

Nasihat buat atlit

Hussain Said

ATLIT negara yang menggalas cabaran di luar Kuala Lumpur - Johor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan - tidak harus berasa terpinggir sekalipun berada di luar pentas utama Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001, bermula Sabtu ini.

Sebaliknya, mereka memikul tanggungjawab dan amanah yang sama dengan rakan-rakan mereka di Kuala Lumpur, iaitu memburu kegemilangan untuk negara tercinta.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata beliau yakin semangat dan tumpuan atlit di ketiga-tiga negeri itu tidak terjejas walaupun tumpuan lebih berkisar di Kuala Lumpur.

"Sebagaimana atlit yang berada di Kuala Lumpur, saya turut percaya mereka sudah bersedia dari segenap aspek untuk menjulang nama negara pada temasya dwitahunan kali ini.

"Mereka tidak harus berasa tersisih atau terpinggir, kerana sebagai atlit yang memikul tanggungjawab dan amanah negara tercinta, mereka harus berani serta bersedia berdepan sebarang rintangan dan masalah.," katanya semalam.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan hadiah kepada pemenang Pertandingan Imej Komputer Sukan Sea XXI dan penyampaian Jalur Gemilang kepada Mejar (B) Md Arshad Feroz Khan yang akan mengelilingi dunia bersama isteri dengan pacuan empat roda di pejabatnya semalam.

Menurut Hishammuddin, beliau dan menteri Kabinet lain berjanji akan memberi sokongan padu kepada semua atlit yang akan bertanding termasuk berada di gelanggang pertandingan.

"Saya sendiri akan cuba memastikan diri berada di setiap ke gelanggang pertandingan untuk memberi sokongan kepada semua atlit negara. Lebih mengharukan, menteri Kabinet lain turut berjanji untuk turun ke padang.

"Saya turut berharap rakyat Malaysia juga tidak ketinggalan berbuat demikian. Saya percaya sokongan padu yang diterima mampu menyemarakkan dan merangsang semangat atlit," katanya.

Mengenai amanat dan harapan menggunung Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, Hishammuddin percaya ia tidak akan meletakkan atlit dalam situasi tertekan.

"Pesanan Perdana Menteri itu bukan membebankan atlit sebaliknya sebagai dorongan dan bekalan kepada mereka untuk merencanakan kejayaan gemilang untuk negara," katanya.

Ketika diminta mengenai sama ada terdapat masalah yang boleh menjejaskan temasya yang disingkap tirainya, Hishammuddin berkata semuanya berjalan lancar sebagaimana yang dirancang.

"Kita hanya menanti saat dan detik temasya itu bermula. Walaupun terdapat beberapa masalah kecil, saya yakin kita mampu mengatasinya sekali gus menjadikan temasya kali ini yang terbaik," katanya.

Berhubung jualan tiket pula, Hishammuddin berkata jualan tiket bagi tiga acara - renang, bowling dan tinju - sudah habis dijual.

"Tumpuan kini adalah cuba memenuhi gelanggang pertandingan yang kurang menjadi tumpuan. Mungkin Tabung Bersamamu yang mengumpul RM900,000 sumbangan sektor korporat mampu membantu," kata Hishammuddin.

(END)